

## Complaints - Courts

Written by Administrator

Monday, 09 November 2009 16:58 -

---

 Saya membeli sebuah komputer riba (laptop) secara ansuran dan mengambil insurans perlindungan berjumlah RM 199 pakej emas dari Courts yang menjanjikan barang-barang saya dan perjanjian ansuran akan dilindungi jika berlaku kebakaran, kecurian atau kemalangan lain yang tidak termasuk bencana alam. Pada 6/5/2009, pejabat saya telah dirompak dan saya telah membuat aduan polis. <br /> <br /> Saya telah menghubungi Courts untuk memaklumkan hal yang sedemikian. Pegawai yang bertugas memaklumkan kepada saya untuk menyerahkan report polis mengenai kejadian itu secepat mungkin dan saya telah pun berbuat demikian. Saya juga telah menyerahkan gambar rakaman video CCTV pada 8/5/2009 kepada Pegawai Khidmat Pelanggan yang ada di Kaunter tingkat 1, Courts Mammoth Setapak. <br /><br /> Sejak dari itu saya langsung tidak mendapat maklum balas dari mana-mana pihak. Saya hanya dimaklumkan bahawa permohonan perlindungan insurans saya tidak dapat dipenuhi melalui panggilan telefon yang meminta saya menjelaskan ansurans bulanan walaupun barang-barang tersebut telah dicuri. Mereka memaklumkan bahawa kejadian itu berlaku di pejabat, bukan di rumah. <br /><br /> Perkara mengenai perlindungan ini hanya akan dilindungi jika kejadian seumpama berlaku di rumah, tidak dimaklumkan oleh pembantu jualan Courts yang ketika itu menerangkan kepada saya apa kelebihan insurans pakej Emas Courts. <br /><br /> 1. Saya membaca syarat perjanjian antara saya dan Courts dan saya mendapati di dalam Klausula 1.7 menjelaskan "Pernyataan Lokasi adalah bermaksud dan berujuk kepada Lokasi yang dikenali di dalam Jadual Pertama dan merangkumi alamat lain yang mungkin dimaklumkan secara notis kepada Courts menurut Syarat 10.4 STC, di mana barang-barang tersebut terletak " <br /><br /> 2. Klausula 10.4 menjelaskan "Tidak menukar alamat atau menempatkan semula barang-barang tanpa kebenaran - saya tidak akan menukar alamat yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama dan saya tidak akan walau sebagaimana pun memindahkan, menempatkan semula atau mengalihkan, atau membenarkan pemindahan, penempatan semula atau pengalihan barang-barang dari Lokasi yang dikenali di dalam Jadual Pertama atau alamat penyerahan yang dinyatakan di dalam invoice ataupun dokumen penyerahan yang relevan ( seperti mana yang terpakai) tanpa notis bertulis terdahulu kepada Courts " <br /><br /> 3. saya mendapati klausula ini bercanggahan dengan sifat fizikalnya barang yang dibeli oleh saya yakni komputer riba, alat yang boleh di bawa ke mana-mana/mobile, bukannya seperti perabot yang boleh saya bawa ke mana-mana. Tambahan lagi, pihak Courts mempunyai alamat pejabat saya di dalam borang permohonan. <br /><br /> Anggarkan kerugian : 3,000.00 <br /> ♦ <br /> <strong>Status of the case : Matter has been accelerated to Courts Mammoth Officers attention, currently they are investigation on this matter waiting for their response.</strong><br /><br /> Ms. Matheevani Marathan<br /> Legal Executive/ Complaint Handling Manager<br /> Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional<br /> National Consumer Complaints Centre<br /> E-mail : vani@nccc.org.my <br /></div>